

UMS-KAL digesa tubuh fakulti berkaitan O&G

DE 14/10/2012 3

Cheang Poh Hwa

LABUAN: Kampus Antarabangsa Labuan Universiti Malaysia Sabah (UMS-KAL) digesa menubuhkan fakulti baru berkaitan industri minyak dan gas (O&G) dan relevan kepada status pulau ini sebagai pusat perniagaan antarabangsa.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Labuan (LC) Amir Onn Mustapha berkata: "Hab O&G Labuan menawarkan peluang besar untuk UMS-KAL membangunkan Sekolah Petroleumnya. Dengan kehadiran pemain global dalam industri, pelajar dapat memperolehi pengalaman amali."

Beliau menambah fakulti sedemikian akan mempertingkatkan Labuan sebagai satu pusat cemerlang O&G, membangunkan teknologi terbaru dalam kegiatan hulu dan hiliran.

Menjawab seruan itu di satu sidang akhbar semasa Majlis Perarakan Berjubah Graduan tahunan, Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah menyambut cadangan itu, dan senat universiti akan mengkajinya dengan teliti dan membuat keputusan untuk dirujuk kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

Majlis Perarakan Berjubah itu disertai 320 pegawai tinggi UMS, kakitangan akademik dan graduan. Mendahului perarakan itu adalah pembawa bendera negara, Labuan dan universiti,

diiringi oleh Pancaragam Polis. Perarakan tersebut bergerak dari perpustakaan Labuan hingga Labuan Square.

Upacara itu melambangkan penerimaan UMS-KAL sebagai sebahagian daripada masyarakat tempatan. Senator Datuk Yunus Kurus dan Amir menyambut pegawai universiti yang diketuai Naib Canselor dan para pelajar.


Selepas itu kakitangan dan wakil pelajar UMS-KAL diberikan kunci replika oleh Amir yang mewakili CEO LC Zainul Abidin Abdullah.

"Pelajar berkaliber tinggi," kata Amir, "mesti bukan saja mengambil berat tentang kejayaan akademik tetapi juga melibatkan diri dalam kegiatan masyarakat di mana mereka berada."

Amir khasnya senang hati memperhatikan UMS-KAL menghulurkan bantuan kepada sekolah-sekolah bagi menambah baik prestasi akademik di situ. Pembabitan UMS-KAL dalam program sedemikian memperkaya dan mendorong pelajar sekolah untuk bercita-cita lebih tinggi dalam usaha akademik mereka.

Beliau juga menggesa pelajar UMS-KAL untuk mengambil bahagian dalam Sukan Borneo 2013 dan Temasya Sukan BIMP-EAGA 2013.

Naib Canselor universiti itu menekankan



YUNUS dan Amir mengiringi Harun (tengah) ke Labuan Square untuk upacara penerimaan itu.

kepentingan pelajar menjadi sebahagian daripada masyarakat tempatan. Beliau menyatakan penghargaan terhadap pihak berkuasa tempatan dan penduduk pulau itu.

Dua sekolah utama UMS-KAL adalah perniagaan antarabangsa dan kewangan, serta sains maklumat. Ia mempunyai jumlah pelajar sekitar 2,000, dengan 200 pelajar dari luar negara. Ia turut menawarkan kursus luar kampus pada peringkat sarjana.